

Kumpulan BIG UMS anjur 'Maths and Science Educamp'

UB 14.4.2014 B2

KUMPULAN Bina Insaan Guru (BIG) 5.5 FM, Program Pensiswazahan Guru Universiti Malaysia Sabah (PPG UMS) dengan kerjasama Petrosains Cawangan Sabah menganjurkan program 'Maths and Science Educamp' di Sekolah Kebangsaan Surati, Papar.

Seramai 10 orang guru PPG UMS, tiga orang wakil dari Petrosains, tiga guru matematik dan sains serta 50 murid SK Surati terlibat dalam program berkenaan.

Program Motivasi 'Fun learning in Maths and Science' itu adalah satu program yang dirancang bagi meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran matematik dan sains.

Program itu dapat memecahkan tanggapan negatif pelajar bahawa kedua-dua mata pelajaran berkenaan adalah sangat sukar untuk dipelajari dan amat membosankan.

Justeru, program juga dibina berasaskan permainan dan keseronokan agar setiap pelajar yang mengikuti program itu sedar bahawa kedua-dua mata pelajaran terbabit sangat mudah dipelajari dalam pelbagai bentuk dan cara yang berhubungkait dengan kehidupan sebenar.

Program yang julung kalinya dianjurkan oleh pelajar UMS yang mengikuti PPG itu mendapat sambutan positif daripada guru besar dan warga sekolah SK Surati

Papar.

Secara tidak langsung, pihak sekolah berbesar hati menjadikan program itu sebagai salah satu program tahunan Panitia Matematik dan Sains. Program itu juga mendapat sokongan dalam bentuk kewangan daripada Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Rosnah Hj Abd Rashid Shirlin yang juga Ahli Parlimen Papar.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ialah Pecah Bendungan, Matematik itu seronok 5+1, Ice Cream In A Bag dan beberapa aktiviti menarik daripada Petrosains Cawangan Sabah. Di akhir program murid menyedari bahawa sains dan matematik yang mereka pelajari bukan hanya untuk



PELAJAR Sekolah Kebangsaan Surati yang menyertai program 'Maths and Science Educamp' merakamkan gambar kenangan bersama penganjur.

ilmu semata-mata tetapi juga boleh menghasilkan sesuatu yang mereka tidak

pernah jangkakan selama ini dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Guru-guru yakin melalui program seumpama itu melahirkan generasi yang

mampu menjadi tonggak negara dalam bidang sains dan teknologi.